

UTAMA · SEMASA

# Hospital KMI Keenam Dibina di Kemaman

Hafiz Rosli · 17 Jul 23 12:15 PTG · 1,849



KEMAMAN, 17 Julai - Syarikat berkaitan kerajaan negeri, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare atau KMI) bahagian penjagaan kesihatan TDM Berhad (TDM) akan membina hospital keenam milik syarikat itu di daerah ini.

Menteri Besar, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata penambahan sebuah lagi hospital swasta bakal menggalakkan lebih banyak perkembangan positif serta meningkatkan kepelbagaian pilihan perkhidmatan kesihatan.

Katanya, selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam memastikan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan mencukupi di negeri ini.




"KMI Healthcare dan Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) sebelum ini telah menandatangani Perjanjian Jual Beli serentak dengan acara itu untuk tanah seluas 5.4 ekar.

"Tanah tersebut terletak di Kampung Jaya, Mukim Chukai, dengan kos RM14.1 juta bagi pembangunan hospital pakar itu.

"Hospital KMI bukan sahaja mampu memenuhi permintaan dan meningkatkan pilihan perkhidmatan perubatan, malah mampu menjadikan Terengganu sebagai hab perubatan di rantau ini," jelasnya.




Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Pecah Tanah KMI Chukai Medical Centre bertempat di Tapak KMI Chukai Medical Centre di sini semalam.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi TDM, Tengku Seri Bijaya Raja dan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Pentadbiran negeri, Dato' Tengku Hassan Tengku Omar.

Tengku Seri Bijaya Raja berkata, KMI Healthcare telah meletakkan dirinya sebagai penyedia penjagaan kesihatan pilihan yang dipercayai terutamanya di jajaran pantai timur.

"Fasa pertama apabila hospital ini dibuka dijangka membuka lebih 150 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang kepada mereka yang berkelayakan.

"Keunikan yang terdapat di keenam KMI ini adalah setiap pesakit mempunyai satu bilik dengan fasiliti yang lengkap.

"Inisiatif ini bagi memberikan keselesaan dan privasi yang lebih kepada pesakit serta memudahkan pesakit melakukan ibadah dengan lebih tenang dan selesa," ujarnya.

Di samping ujar beliau, pegawai agama juga tersedia di setiap KMI bagi membantu pesakit dari sudut kerohanian, pertanyaan persoalan agama dan sebagainya.




Tag: Utama · Semasa

## Berita Terkini

- Kolaborasi Tingkatkan Daya Saing PSMZA
- Payang Walk Tingkat Pendapatan 400 Peniaga Kecil
- Payang Walk Bakal Jadi Tumpuan Utama Pelancongan Terengganu
- Fiesta Candat Sotong Marang Tarik Lebih 300 Peserta
- Maritim Terengganu Lupus Dua Bot Nelayan Vietnam

PALING POPULAR

1. Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu
2. Gadis Terengganu Dinobat Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia
3. 'Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya...' - Rintih Dr Nor Azimi
4. PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu
5. Empat Kluster Baharu Muncul Di Terengganu Dalam 48 Jam

## Artikel Berkaitan



Payang Walk Tingkat Pendapatan 400 Peniaga Kecil
22 Jul 2023



Payang Walk Bakal Jadi Tumpuan Utama Pelancongan Terengganu
22 Jul 2023



Fiesta Candat Sotong Marang Tarik Lebih 300 Peserta
22 Jul 2023



Maritim Terengganu Lupus Dua Bot Nelayan Vietnam
21 Jul 2023




Don't miss out on the Latest News

We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email | SUBSCRIBE

TRDI on Youtube

Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.

SUBSCRIBE

TRDI on Facebook

LIKE

FOLLOW

FOLLOW



Copyright © 2020 TRDI
Powered by Mysoftcare